

10 NOV 2003

Bantuan/I

BANTUAN ASING KEBALIKAN DARI MALAYSIA KE AS

Oleh: Salmy Hashim

WASHINGTON, 10 Nov (Bernama) -- Penuntut Malaysia di Universiti Iowa State di Ames, Iowa, semalam mengadakan persembahan kebudayaan dan pameran makanan Malaysia untuk mengumpul dana bagi golongan yang memerlukan di kawasan itu, usaha yang dilakukan sejak 1987.

Dikenali sebagai "Des Moines Register" atau "bantuan asing kebalikan", penuntut Malaysia telah mengumpul dana bagi pelbagai kumpulan kebajikan.

Mereka telah mengumpul US\$14,000 untuk memberi biasiswa bagi empat penduduk Iowa yang ibu bapa mereka mengalami kesempitan hidup semasa krisis ladang pada akhir 80-an.

Usaha murni penuntut Malaysia itu diadakan apabila Dewan Perwakilan dan Senat Amerika Syarikat mengancam untuk memotong bantuan ketenteraan ke Malaysia kecuali Malaysia membuktikan wujud kebebasan beragama di negara itu.

Tindakan Dewan Perwakilan dan Senat itu ekoran kenyataan bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad mengenai kaum Yahudi.

Nurhidayah Azmy, Presiden Persatuan Penuntut Malaysia, memberitahu Bernama melalui telefon semalam, kumpulan itu mengumpul lebih US\$1,000 tahun lepas yang disumbangkan kepada Palang Merah Amerika.

Tahun ini, 125 penuntut Malaysia di ISU berganding bahu untuk mengumpul dana bagi United Way of Story County, organisasi cawangan sebuah kumpulan perkhidmatan sosial di kawasan itu, kata Nurhidayah, penuntut tahun akhir jurusan Kejuruteraan Binaan.

Penerima sumbangan Malam Kebudayaan Malaysia itu setakat ini termasuk Mid-Iowa Community Action, Ames Youth and Shelter, Heartland Senior Citizen Center, Habitat for Communiy, dan ACTORS.

Malam kebudayaan itu merupakan acara tahunan popular di Ames, mempersembahkan muzik, lagu, tarian, makanan dan pameran kebudayaan Malaysia.

-- BERNAMA

SH AHH RHM